



Antara jurutera dan pekerja yang terlibat dalam kerja mengorek terowong di Stesen MRT Pasar Rakyat.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

"Ini adalah pencapaian penting bagi kami, menuju ke tahun ini. Dengan kemajuan yang dicapai, kami berharap dapat menyiapkan semua aktiviti pengorekan terowong pada pertengahan tahun depan"

Haris Fadzil Hassan,
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp

Kerja korek terowong ikut jadual

» Penggunaan pertama TBM tamatkan halangan projek MRT

Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Mesin Mengorek Terowong (TBM) Ketumpatan Berubah berjaya menamatkan kerja penggalian terowong Projek Laluan 1 Aliran Transit Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang, di Stesen Pasar Rakyat, semalam.

Kejayaan itu mencatatkan satu lembaran baru dalam pembinaan terowong di negara ini membabitkan kerjasama MMC Corporation Berhad (MMC)-Kumpulan Gamuda Berhad (Gamuda) dan pembuat mesin korek bawah tanah dari Jerman, Herrenknecht

Mesin ciptaan bersama MMC, Gamuda dan Herrenknecht itu berjaya mengakhiri fasa sukar bagi kerja penggalian terowong sepanjang satu kilometer bagi jajaran Co-

chrane ke Stesen Pasar Rakyat.

Catat kejayaan

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Haris Fadzil Hassan, berkata penggunaan TBM pertama di dunia itu terbukti berjaya mencatat kemajuan memberangsangkan.



Selain itu, katanya, ia berjalan lancar mengikut jadual, dengan 33 peratus kerja keseluruhan dan 50 peratus perkembangan bagi kerja penggalian terowong.

"Ini adalah pencapaian penting bagi kami, menuju ke tahun ini. Dengan kemajuan yang dicapai, kami berharap dapat menyiapkan semua aktiviti pengorekan terowong pada pertengahan tahun depan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Projek MRT Corp, Marcus Levon Karakashian; Pengurus Besar MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, Ubull Din Om dan Pengurus Kanan Pembinaan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, Ng Hau Wei.

Tiada masalah besar

Mesin Mengorek Terowong (TBM) Ketumpatan Berubah, ciptaan pertama seumpamanya di dunia itu berjaya me-



Kombinasi gambar TBM Pelbagai Ketumpatan **sebelum (atas) dan ketika penembusan terowong** di Stesen MRT Pasar Rakyat, semalam.

namatkan kerja halangan di Stesen Pasar Rakyat tepat jam 2.10 petang semalam tanpa sebarang masalah besar terutama mendapan tanah.

Mesin berkenaan adalah satu daripada 10 mesin pengorek yang akan digunakan untuk projek MRT dalam jajaran Sungai Buloh-Kajang.

Haris Fadzil berkata, pihaknya turut merakamkan penghargaan kepada MMC Gamuda KVMRT (T) kerana ber-

jaya menamatkan kerja penggalian terowong tanpa sebarang masalah termasuk risiko mendapat tanah mendap ketika kerja mengorek dijalankan.

Malah, pihaknya yakin fasa pertama pembinaan laluan Sungai Buloh-Semantan di Jalan Duta dapat disiapkan mengikut jadual menjelang akhir 2016 manakala fasa kedua Semantan-Kajang pula menjelang Julai 2017.